

Terbitan
Unit Penerbitan Melayu
Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Hak cipta
Jabatan Penerangan

Penyelaras
Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail

Kaji Selidik/Penyunting
Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail
Dayang Zawiyatun Ni'mah binti Mohd Akir
Awang Abu Bakar bin Haji Abd Rahman

Penyemak
Dayang Ramlah binti Mohd. Nor
Dayang Norhafilah binti Rosli

Reka Letak/Hiasan Kulit
Awang Amdelah bin Haji Tujoh

Isi Kandungan

Muka Surat

| | |
|--------------------------------------|-----------|
| Pengenalan | I |
| Mukim Gadong B | I |
| Rajah | 2 |
| Peta Mukim Gadong B | 5 |
| Kampung Kiulap | 6 |
| Kampung Kiarong | 12 |
| Kampung Beribi | 24 |
| Kampung Mata-Mata | 35 |
| Kampung Menglait | 45 |
| Perpindahan Kampung Mata-Mata | 52 |
| Bibliografi | 61 |
| Penghargaan | 62 |

Pengenalan

Dalam Siri 1 telah dibincangkan mengenai Kampong Ayer dan juga peranannya semasa zaman pemerintahan Brunei dahulu. Tidak dinafikan Kampong Ayer merupakan perkampungan yang begitu sibuk sebagai pusat pentadbiran, perdagangan dan pertemuan para pedagang dari luar dengan pedagang tempatan. Apa yang menariknya, walaupun Kampong Ayer ketika ini sudah jauh berubah dari Kampong Ayer dahulu tetapi tetap tidak akan mengubah kemeriahan suasana di Kampong Ayer dengan kebisingan perahu tambang, orang-orang kampung berjalan di jambatan-jambatan atau pail-pail kayu atau kelibat orang mengail di pantaran rumah.

Budaya dan warisan Kampong Ayer tetap akan bertahan dengan usaha pemuliharaan dari pihak-pihak yang berkenaan termasuk penduduk di Kampong Ayer itu sendiri.

Kali ini dalam Siri 2 kita akan membincangkan mengenai orang-orang Kedayan yang juga termasuk dalam puak jati Negara Brunei Darussalam. Manakala buku sejarah kampung-kampung di dalam mukim-mukim akan memilih kampung-kampung yang berada di dalam Mukim Gadong B.

Mukim Gadong B

Mukim Gadong B merupakan salah sebuah mukim yang terdapat di kawasan darat, dan juga merupakan sebuah daripada mukim yang terletak dalam pentadbiran Jabatan Daerah Brunei Muara.

Kampung-kampung yang terletak dalam Mukim Gadong B ialah

- Kampung Beribi
- Kampung Kiulap
- Kampung Menglait/Kampung Pengkalan Gadong
- Kampung Mata-mata
- Kampung Kiarong
- Kampung Perpindahan Mata-mata

Penghulu dan Ketua Kampung di Mukim Gadong B

| MUKIM GADONG B | | | |
|----------------|---|--|---|
| BIL | KAMPUNG | NAMA | JAWATAN |
| 1 | | Mejar (B) Awang Haji Bakar bin Sapar | I. Penghulu Mukim Gadong B II. Pemangku Ketua Kampung Beribi III. Menjalankan Hal Ehwal Pentadbiran Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Katok B |
| 2 | Kampung Beribi | - | - |
| 3 | Kampung Kiulap | Awang Haji Mohammad bin Abu Bakar | Ketua Kampung |
| 4 | Kampung Menglait/ Kampung Pengkalan Gadong | Haji Awang Mohdar bin Haji Awang Ahmad | I. Ketua Kampung II. Pemangku Ketua Kampung Pengkalan Gadong |
| 5 | Kampung Mata-Mata | Awang Haji Metali bin Haji Khamis | Ketua Kampung |
| 6 | Kampung Kiarong | Awang Haji Omarsidi bin Haji Ahmad | Ketua Kampung |
| 7 | Kampung Perpindahan Mata-Mata | Pengiran Haji Mohd. Salleh bin Pengiran Haji Abd. Rahman | Ketua Kampung |

Nota: Maklumat setakat April 2018.

Puak Kedayan

Puak Kedayan merupakan salah satu daripada puak jati yang diiktiraf taraf kerakyatannya dalam 'Undang-Undang Taraf Kebangsaan Negeri Brunei, 1961' yang berhak mendapat keistimewaan sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Menurut beberapa catatan sejarah dan juga cerita daripada orang-orang tua dahulu, puak Kedayan puak yang hidup bertani seperti menanam padi, buah-buahan dan juga sayur-sayuran. Mereka juga menternak binatang seperti kerbau kambing, ayam serta menangkap ikan di sungai-sungai dan juga di laut. Mereka juga menghasilkan kraf tangan seperti takiding, keranjang dan lain-lain kraf tangan.

Semua bangsa Kedayan adalah beragama Islam dan mengamalkan cara keislaman dalam semua budaya mereka. Sementara orang-orang Islam Brunei yang lain cenderung untuk mengikut gaya Barat, orang-orang Kedayan lebih gemar pada pekerjaan tradisi terutama dalam bidang pertanian. Kerana itulah sikap dan kebiasaan mereka agak berbeza dari orang-orang Melayu Brunei yang lain.¹

¹P.M. Shariffuddin, The Kedayans, The Brunei Museum Journals, The Brunei Museum, Brunei, Vol 1, 1969, hal. 15

Rumah Kedayan

Zaman dahulunya, orang-orang Kedayan membuat rumah berdekatan dengan ladang mereka. Mereka mempunyai rumah Melayu biasa iaitu belah bubong dan menggunakan nibong, kulimpapa atau kadang-kadang kayu bulian dengan lantai kayu atau buluh yang dibelah. Manakala dinding dan atap pula daripada daun kelapa sawit². Rumah tersebut biasanya berbentuk bujur dan ringkas dalamnya.

Durong atau tempat penyimpanan padi bagi orang-orang Kedayan biasanya dibuat berhampiran dengan rumah peladang/petani atau di hujung sawah padi. Kadang-kadang durong dibuat dalam barisan yang dipunyai oleh seorang atau beberapa orang.

Makan Tahun

Budaya warisan yang sering dikaitkan dengan puak Kedayan ialah makan taun yang biasanya diadakan selepas selesai mengetam padi. Budaya ini menjadi simbol perpaduan, kekeluargaan dan ikatan sekampung puak Kedayan. Dahulunya budaya makan taun ini dikaitkan dengan 'semangat padi' tetapi sekarang ini walaupun masih dipraktikkan makan taun tetapi ianya lebih kepada hubungan kekeluargaan dan semangat satu kampung.

Taburan Puak Kedayan di Negara Brunei Darussalam

Adalah dipercayai pada asalnya puak Kedayan hidup secara berkelompok dalam komuniti kecil tanpa percampuran dengan komuniti daripada puak-puak lain. Tetapi dengan peredaran masa, komuniti kecil ini berkembang dan mewujudkan sebuah perkampungan.³

Kebanyakan penduduk yang tinggal di Mukim Gadong B terdiri daripada puak Kedayan seperti di Kampung Beribi, Kampung Mata-Mata dan juga Kampung Kiarong. Manakala penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan Kampung Kiulap, Kampung Menglait, Kampung Pengkalan Gadong kebanyakannya berasal dari Kampong Ayer.

²P.M. Shariffuddin, *The Kedayans*, *The Brunei Museum Journals*, The Brunei Museum, Brunei, Vol 1, 1969, hal. 18

³Awang Muhammad Hasanan bin Haji Sallehudin, *Asal usul Masyarakat Puak Kedayan di Negara Brunei Darussalam: Satu Tinjauan Awal*, *Jurnal Darussalam Bil.8*, 2008, hal.167


Nama Kampung dan Keluasan

| Keluasan Mukim Gadong 'B' - 2,456.4997 hektar. | |
|---|-----------------|
| Kampung | Keluasan |
| Kampung Kiarong | 383.4269 hektar |
| Kampung Beribi | 634.3316 hektar |
| Kampung Kiulap | 176.5316 hektar |
| Kampung Mata-Mata | 481.2059 hektar |
| Kampung Menglait | 125.3968 hektar |
| Kampung Pangkalan Gadung | 254.4872 hektar |
| Kampung Perpindahan Mata-Mata | 173.2584 hektar |

Nama Kampung dan Bilangan Penduduk

| BIL | KAMPUNG | BILANGAN PENDUDUK |
|------------|--------------------------|--------------------------|
| 1 | Kampung Kiulap | 3,912 orang |
| 2 | Kampung Kiarong | 4,565 orang |
| 3 | Kampung Beribi | 7,694 orang |
| 4 | Kampung Mata-Mata | 6,699 orang |
| 5 | Kampung Pangkalan Gadung | 4,208 orang |
| 6 | Kampung Menglait | 2,848 orang |
| 7 | Perpindahan Mata-Mata | 2,241 orang |

Peta Mukim Gadong B



Kampung Kiulap

Kampung Kiulap merupakan sebuah kampung yang terletak di Daerah Brunei Muara di dalam Mukim Gadong B, kira-kira 2.5 kilometer dari Bandar Seri Begawan. Kampung ini mempunyai keluasan 176.53 hektar (436.2 ekar) dan keramaian penduduknya lebih kurang 3,912 orang⁴.

Asal usul Kampung

Menurut pengisah, Ketua Kampung Kiulap, Awang Haji Mohammad bin Abu Bakar, pada awalnya kampung ini tidak ada nama. Walau bagaimanapun, nama Kampung Kiulap berasal dari nama sulap ('junjung' atau teratak kecil biasanya dibuat di sawah-sawah padi atau di kebun yang digunakan sebagai tempat berehat).

Menurut kisahnya, apabila ada orang bertanya mana bapamu? Ke sulap ia. Ada seorang berbangsa Cina yang dipanggil 'Si Pingang' namanya. Dengan pelat Cina, nama kampung berubah daripada huruf S menjadi huruf K (perkataan Sulap menjadi Kiulap).

Kebanyakan penduduk di kampung ini berasal dari Kampung Tamoi dan Kampung Saba. Pada masa itu hanya ada lapan buah rumah saja. Pada tahun 1930-an sudah wujud kampung ini. Penduduk awal terdiri daripada keturunan ketua kampung sendiri, yang terdiri daripada lima buah keluarga sahaja iaitu keluarga Abdullah bin Ajak, keluarga Chuchu bin Piut, keluarga Haji Tengah.

Ketua Kampung

Pentadbiran Kampung Kiulap pada masa ini di bawah ketua kampung iaitu Awang Haji Mohammad bin Abu Bakar. Sebelum ini beberapa orang ketua kampung iaitu Mudim Haji Bakar bin Haji Yahya, Haji Mohamad bin Haji Daud.

Menurut pengisah lagi, pada masa itu belum ada bayaran bagi jawatan ketua kampung dan kemudian selepas itu barulah dibayar sebanyak \$25.00 sahaja.

⁴Laporan awal banci penduduk dan perumahan (BPP) 2011 Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) , NBD



“Nama Kampung Kiulap berasal dari perkataan sulap tetapi berubah menjadi Kiulap kerana pelat Cina, huruf S menjadi K”

Ketua Kampung Kiulap, Awang Haji Mohammad bin Abu Bakar.

Prasarana

Kampung yang terletak berhampiran dengan Bandar Seri Begawan ini telah menerima pelbagai kemudahan dan prasarana yang begitu pesat seperti Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Sekolah Rendah Haji Mohd. Jaafar Maun Kiulap, Sekolah Ugama Surau Kampung Kiulap, kompleks membeli-belah, Institusi Pengajian Tinggi seperti International Graduate Studies College (IGS), hotel-hotel, bank-bank, pawagam dan juga flat-flat kediaman.

Kampung ini juga tidak ketinggalan menerima kemudahan yang disediakan oleh kerajaan seperti menerima bekalan elektrik, air dan juga telefon.

Menurut pengisah lagi, pada awal tahun-tahun 60-an, penduduk-penduduk Kampung Kiulap dikutip seringgiti seorang untuk membeli kayu di Lamunin untuk membuat dinding sekolah. Ada juga penduduk kampung yang membawa paku dua kati, membawa gergaji untuk membuat sekolah tersebut. Sekolah tersebut didirikan di atas tanah wakaf dan juga ehsan kerajaan seluas lima ekar dengan beratap daun dan berlantaikan tanah. Guru besar yang mula-mula sekali ialah Cikgu Suthi (berbangsa Dusun).

Surau dulu-dulu terletak di kawasan yang dipanggil ‘di laut’ (hujung tempat penaikan dekat kawasan Hospital RIPAS pada masa ini) untuk menyenangkan penduduk kampung, tetapi surau tersebut hanya untuk sembahyang fardu sahaja. Surau tersebut beratapkan daun dan berdindingkan kajang, lantainya pula daripada papan berketam setebal dua inci. Menurut pengisah lagi, tempat berwuduk itu ada tempat seperti batu dan di sanalah mereka berwuduk. Manakala untuk sembahyang Jumaat mereka akan bersembahyang di masjid berdekatan dengan kubur Dang Ayang (pada masa itu belum ada Masjid SOAS) dengan berkayuh. Pada masa tersebut tidak ditetapkan siapa yang menjadi imam. Sesiapa yang pandai dialah yang menjadi imam berjemaah.



Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.



Blok baharu di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha iaitu Blok Perempuan dan Kanak-Kanak.



Salah sebuah kompleks membeli-belah yang terdapat di Kampung Kiulap ialah Q-Lap Mall.



Sekolah Rendah Haji Mohd. Jaafar Maun Kiulap.

Pekerjaan

Pekerjaan penduduk Kampung Kiulap dulu-dulunya hanya menanam bunga gambir dan sirih yang berwarna putih dan kalas-kalasan (merah jambu), dan mempunyai bau yang sangat harum. Kegunaan bunga-bunga tersebut ada dua, pertama untuk orang kahwin dan kedua untuk orang meninggal.

Kebanyakan penduduk Kampung Kiulap dulu-dulu hanya bekerja memotong getah terutama sekali bagi penduduk Kampung Saba dan Kampung Sungai Kedayan yang tinggal di Kampung Kiulap. Getah yang diperolehi kemudian dijual kepada orang Cina. Seawal pukul enam pagi mereka sudah bekerja memotong getah. Ada juga yang bekerja memukat dan berpadi sahaja. Mereka memukat dengan menggunakan perahu menuju ke Muara atau Pulau Chermin dengan berkayuh kerana ketika itu masih belum ada enjin perahu.

“Manakala kaum perempuannya pula berkebun bunga gambir dan sirih, selain bekerja membuat tindulang. Daun silat bertanam sendiri. Juga untuk membuat kalupis. Seterusnya Sagang. Mengambil di Kampung Limau Manis, dulu-dulu bejual sebatang dengan harga 30 sen,” menurut pengisah lagi.

Apa yang menarik, jelas pengisah semasa zaman Jepun dalam tahun-tahun 40-an, pihak Jepun telah membina dua buah pejabat mereka di kampung tersebut yang menyebabkan penduduk kampung berkenaan balik ke Kampung Lurong Dalam dan mereka kembali semula ke Kampung Kiulap setelah habis pendudukan Jepun di negara ini.

Pada masa kini, penduduk kampung ini banyak yang bekerja dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta.

Kisah Menarik

Bagi orang tua-tua dulu, hanya segelintir sahaja yang tahu tentang kolam mata air yang terletak di kawasan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) masa ini. Dipercayai kolam mata air tersebut berpenunggu dan tidak ada penduduk kampung yang berani mendekati kawasan tersebut. Walau bagaimanapun kisah tersebut sudah lama berlalu dan kolam mata air tersebut juga ditutup kerana pembinaan Hospital RIPAS.

Menurut ketua kampung lagi, di hospital berkenaan juga merupakan tempat wasai yang dinamakan Wasai Gadung. Dipercayai air itu tidak pernah kering dan airnya sentiasa mengalir ke Kampung Kiulap.

Sebuah kisah yang menarik lagi pada tahun 50-an ialah mengenai ‘Lanjang’ iaitu sebiji periuk yang boleh memuatkan isi beras sebanyak lima gantang yang digunakan untuk memasak. Menurut ketua kampung lagi, ‘Lanjang’ ini merupakan simbol perpaduan sekampung yang mana dengan ‘Lanjang’ inilah orang-orang kampung bermuafakat dengan berpinjam-pinjaman ‘Lanjang’ untuk memasak nasi bagi yang kurang mampu pada ketika itu. Peredaran zaman telah menyebabkan ‘Lanjang’ ini begitu signifikan kepada penduduk-penduduk Kampung Kiulap kerana peranannya yang besar dalam kehidupan masyarakat kampung ketika itu begitu ketara sekali walaupun tidak lagi digunakan pada masa ini.

Produk Kampung

Menurut Ketua Kampung Kiulap, Awang Haji Mohammad, makanan penduduk kampung dulu-dulu ialah ambuyat. Dengan berkayuh, mereka ke Kampung Limau Manis untuk mengambil ambulung. Ambulung tersebut kemudiannya digunakan untuk membuat tumpi dan juga sesagun.

Mereka juga mengambil lauk masin, pari masin, mengambil buah durian, tarap, membangan, tibadak, sayur-sayuran, umbut-umbutan ke Kampung Limau Manis dan juga Kampung Mulaut untuk bertukar-tukar barang.

Aktiviti Kampung

Antara aktiviti yang diadakan oleh penduduk Kampung Kiulap ialah makan setahun yang diadakan di masjid dengan kerjasama ahli masjid. Dalam majlis inilah penduduk-penduduk kampung akan beramah mesra untuk mengukuhkan lagi hubungan sesama jiran, rakan dan juga sahabat-sahabat sekampung.

Penutup

Walaupun Kampung Kiulap menghadapi era perubahan yang ketara terutama dari segi infrastruktur, tetapi jalinan ukhawah sesama penduduk sangat bernilai untuk keamanan dan kesejahteraan penduduk kampung sendiri. Generasi belia perlu menghargai setiap detik yang dikecapi agar kesejahteraan akan sentiasa terjamin dan menjadi penerus kepada kegemilangan kampung agar tidak hilang begitu saja.

Kampung Kiarong

Kampung Kiarong adalah sebuah kampung yang terletak dalam Mukim Gadong B, Daerah Brunei Muara. Kampung ini mempunyai keluasan 383.43 hektar (947.5 ekar) dan mempunyai keramaian penduduk 5,556 orang. Kampung Kiarong bersempadan dengan Kampung Kiulap di sebelah Timur dan Kampung Beribi di sebelah Barat.

Kampung Kiarong juga berada di bawah kawalan Jabatan Bandaran.

Asal Usul Kampung

Mengikut cerita pengisah, Dayang Hajah Laisah binti Haji Bakar, berusia 86 tahun, Kampung Kiarong ini sudah wujud dalam tahun 1900 dan nama kampung tersebut sudah dikenali sebagai Kampung Kiarong. Walau bagaimanapun dipercayai Kampung Kiarong ini ada dua bahagian iaitu Kiarong Kecil dan Kiarong Besar.

Di kampung ini juga terbahagi kepada beberapa kawasan dan diberikan nama yang berlainan seperti kawasan Kiduka, kawasan Banawali, Bukit Bintulang, Bukit Pantaran, Bukit Kijang Kuning, Banting, dan Batung.

Menurut pengisah lagi, kawasan Bukit Bintulang itu diberikan nama demikian kerana kawasan tersebut merupakan bekas tempat orang berkelahi sehingga ada yang mati. Dipercayai buluh yang tumbuh di kawasan tersebut berasal daripada buluh yang digunakan semasa perkelahian tersebut. Tetapi apa yang anehnya, buluh tersebut tumbuh kembali sehinggalah anak-anak muda di kampung tersebut dinasihati supaya tidak mengambil buluh tersebut kerana buluh-buluh tersebut merupakan bekas yang digunakan untuk membunuh orang.



“Kampung Kiarong ani lama sudah ada dalam tahun 1900 pun sudah ada tu. Ada dua bahagian kampung ani, Kiarong Kecil dan Kiarong Besar.”

Hajah Laisah binti Haji Bakar, pengisah tentang Kampung Kiarong.



Ketua Kampung Kiarong, Awang Haji Omarsidi bin Haji Ahmad.



Penduduk Kampung Kiarong semasa menantikan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melawat Kampung Kiarong pada tahun 1987.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika mencuba untuk menaiki 'Durung'.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika menerima sembah penerangan cara-cara mengalupis oleh penduduk-penduduk Kampung Kiarong.

Ketua Kampung

Seperi di kampung-kampung lain pada masa dulu, ketua kampung dilantik daripada orang yang digalati di sesebuah kampung untuk menjadi ketua kampung. Hal yang sama juga berlaku di Kampung Kiarong yang mana jawatan ketua kampung yang mula-mula sekali dijawat oleh Orang Kaya Besar Momin. Kerana ketokohan beliau serta kepercayaan daripada orang kampung, beliau telah dilantik menjadi Ketua Kampung Kiarong. Beliau merupakan ketua kampung yang awal mentadbir di Kampung Kiarong. Kemudian jawatan tersebut dipegang secara turun-temurun oleh anaknya, Orang Kaya Samsu dan kemudian diteruskan oleh generasi berikutnya iaitu anak beliau, Awang Jamaludin.

Seterusnya jawatan ketua kampung dijawat oleh Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar bin Jamaludin dan menjawat jawatan Penghulu Mukim Gadong yang pertama. Beliau juga pernah menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Adat Istiadat.

Selepas itu Kampung Kiarong ditadbir oleh Awang Haji Hassan bin Haji Ahim dan kemudian Awang Haji Omarsidi bin Haji Ahmad sehinggalah sekarang.

Prasarana

Pelbagai kemudahan telah disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti bekalan elektrik, air dan telefon, perkhidmatan DST dan juga PCSB, bank-bank, Jame 'Asr Hassanil Bolkia, Sekolah Rendah Dato Ratna Haji Muhammad Jaafar Kiarong, Sekolah Ugama Kiarong, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Kampus Perdagangan IBTE, Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Klinik Batuk Kering, Pasar Serbaguna Pasar Gadong, Cawangan Polis Kawalan Diraja, Stesen Minyak TAIB, bangunan perumahan pegawai-pegawai kerajaan, kompleks membeli-belah dan juga hotel.



Kampus Perdagangan IBTE yang terletak di dalam Kampung Kiarong.



Jame' Asr Hassanil Bolkhiah berdiri gah dengan Bangunan Baiduri Bank jelas menunjukkan kemajuan pesat yang mengubah landskap kampung berkenaan.



Hotel Venice Lodge yang dibangunkan di Kampung Kiarong.

Sekolah

Sekolah Rendah Kiarong yang sebelumnya dikenali sebagai Sekolah Melayu Kiarong ditubuhkan pada tahun 1964. Asalnya, sekolah ini dibina di tapak lama berhadapan dengan Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar yang ada pada masa ini.

Di kampung ini, Sekolah Kampung Kiarong telah mengalami tiga fasa. Mula-mula dikenali sebagai Sekolah Melayu Kiarong. Sekolah ini beratapkan daun nipah, berdinginkan kulit kayu nipah (kajang) dan tidak berlantai. Selepas itu nama sekolah ini ditukar menjadi Sekolah Rendah Kampung Kiarong dalam tahun 70-an semasa pentadbiran Guru Besar, Cikgu Jumaat bin Haji Tudin. Kementerian Pendidikan telah mengubah suai sekolah tersebut yang mana bangunannya diperbuat daripada kayu, berdinginkan papan, berlantainya papan dan beratapkan zink serta bertiang kayu. Sekolah ini mempunyai sebuah bangunan yang merangkumi lima buah bilik darjah, iaitu dari Darjah Pra hingga Darjah 4 sahaja. Dahulunya sekolah ini mempunyai dapur yang menyediakan makanan tengah hari bagi murid-muridnya. Oleh kerana keramaian murid yang semakin bertambah, bangunan kekal Sekolah Rendah Kiarong yang baharu telah dibina di atas tanah berukuran 15 ekar yang terletak berhadapan dengan tapak sekolah yang lama pada tahun 1984. Bangunan sekolah tiga tingkat ini dibuat daripada batu-bata dilengkapi dengan sebuah dewan, kantin dan padang sekolah yang lebih baik. Sekali lagi sekolah tersebut ditukar namanya dan dikenali sebagai Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar.

Sekolah Ugama Kiarong juga menggunakan bangunan sekolah yang sama pada sebelah petang bagi sesi pembelajaran agama sehingga Darjah 5.



Penduduk kampung yang mengikuti aktiviti rumah tangga yang diadakan di Sekolah Melayu Kiarong.



Murid-murid bergambar bersama guru darjah di Sekolah Melayu Kiarong.



Murid-murid semasa bergambar ramai di Sekolah Rendah Kiarong pada tahun 1980-an.



Bergambar ramai dalam acara yang diadakan di padang Sekolah Melayu Kiarong dalam tahun 70-an.



Sekolah Rendah Dato Ratna Haji Muhammad Jaafar Kiarong.

Jalan Raya

Pada tahun-tahun 60-an, jalan di Kampung Kiarong hanyalah jalan tanah dan sering kedalaman apabila hujan lebat. Ini menyebabkan jalan tersebut tidak dapat dilalui oleh mana-mana kenderaan. Kemudian jalan tersebut ditimbuni pasir dan berbatu kerikil sehinggalah dinaik taraf jalan berturap tar.

Persatuan Kampung

Kampung Kiarong juga mempunyai beberapa persatuan yang mana ahli-ahlinya terdiri daripada penduduk-penduduk kampung itu sendiri. Persatuan-persatuan ini aktif dalam membuat aktiviti-aktiviti lebih-lebih lagi para belia. Antara persatuan-persatuan tersebut ialah PABIKA (Persatuan Belia Ikatan Kampung Kiarong), Persatuan Dikir Kampung Kiarong, KCG (*Kiarong Cycling Group*). Antara aktiviti yang dibuat oleh PABIKA termasuklah aktiviti keagamaan, sukan, dart dan juga aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Sementara KCG aktif dalam acara-acara berbasikal seperti menyertai Basikalton Bandarku Ceria. Sementara Persatuan Dikir Kampung Kiarong pula aktif dalam majlis berdirikir seperti sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam dan juga dalam majlis-majlis perkahwinan.



Antara aktiviti yang disertai ialah aktiviti berbasikal di Bandarku Ceria.



Penduduk Kampung Kiarong menyertai perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada tahun 60-an.

Antara kegiatan yang dilaksanakan di Kampung Kiarong ialah Makan Tahun, Sambutan Hari Raya Sekampung, Sambutan Hari Raya Korban, Memucang-mucang membersihkan Tanah Perkuburan di Tanah Perkuburan Jame, 'Asr Hassanil Bolkihah dan Tanah Perkuburan Bukit Pantaran.

Pekerjaan

Penduduk Kampung Kiarong pada tahun-tahun 50-60-an bekerja memotong getah, bertanam padi dan juga berkebun. Mereka biasanya berkebun di tanah-tanah yang belum diusahakan dan setiap keluarga yang berhajat untuk ikut berkebun akan diberikan tanah mengikut keluasan yang ditentukan. Biasanya aktiviti ini berjalan mengikut musim dan bila sudah selesai tanah tersebut akan ditinggalkan dan kemudian mencari tanah baru yang sesuai dan subur untuk dibuatkan tempat berkebun.

Begitu juga dengan pekerjaan memotong getah. Kawasan getah yang terkenal pada tahun-tahun 60-an ialah di kawasan Gadong di mana hasil daripada getah-getah tersebut akan dijual.

Pada masa ini kawasan tersebut sudah dijadikan tapak-tapak kedai dan juga lebuhraya.

Generasi sekarang juga kebanyakannya bekerja dengan agensi-agensinya kerajaan dan juga swasta. Bahkan ada juga yang bekerja sendiri dengan menjalankan perniagaan.

Permainan

Permainan popular pada tahun 60-an bagi kanak-kanak perempuan ialah bermain simban, bermain lompat gatah, bermain kaki kayu tiga, bermain biji gatah (biji buah getah ditebuk ditengah-tengahnya dan kemudian diisi lilin untuk menguatkannya daripada pecah). Manakala bagi kanak-kanak lelaki mereka biasanya lebih gemar bermain bedil (dibuat daripada buluh dan pelurunya daripada buah bedil) dan juga bermain gaman (sejenis rakit yang dibuat daripada batang buluh yang diikat).

Makan Tahun

Seperti juga bangsa Kedayan di kampung-kampung lain, Kampung Kiarong juga tidak ketinggalan dengan aktiviti Makan Tahun dan Majlis Doa Arwah Sekampung yang masih diamalkan hingga sekarang. Dalam tahun-tahun 60-an, majlis ini diadakan secara gotong-royong di mana ianya diadakan di balai raya yang dibuat khas untuk pelbagai acara yang diadakan di kampung tersebut. Dulu-dulunya balai raya tersebut diperbuat daripada daun nipah, lantai buluh sebelum dibina dengan menggunakan papan. Di sinilah kaum perempuan akan menghidangkan makanan yang dibawa dari rumah masing-masing untuk dihidangkan bersama-sama. Tidak hairanlah pelbagai jenis masakan lauk-pauk akan dihidangkan apatah lagi dimasak dengan resepi asal warisan orang tua-tua dulu.

Makanan orang dulu di kampung ini ialah kalupis, pelbagai jenis makanan yang dibuat sendiri daripada tepung (tepung ubi kayu), wajid, kuih kuripit yang dibuat daripada ambulung.

Menurut pengisah lagi, kalau diadakan Makan Tahun, pada waktu malam sebelum majlis berlangsung, orang-orang kampung akan bergotong-royong membuat kuripit semalaman sehingga penuh dua hingga tiga nyiru berisi kuripit yang dibuat sendiri. Begitu juga dengan kalupis. Menurut Hajah Laisah, kalupis akan dibuat dua hari sebelum diadakan Majlis Makan Tahun dan inilah masa yang paling menggemirakan kerana dapat berkumpul ramai-ramai sekampung.

Dalam bulan puasa pula, balai akan penuh dengan orang kampung bertadarus kesiang. Malah 'beungkup' (baibun) semasa bejumpa-jumpa dan menimbulkan suasana mesra yang meriah.

Penutup

Kejayaan sesebuah kampung adalah dari permuafakatan seluruh penduduk yang bermastautin di kampung tersebut. Begitu juga halnya dengan Kampung Kiarong. Sikap bergotong-royong dan persefahaman membawa kepada kesejahteraan kampung. Ini ditambah lagi dengan pelbagai kemajuan yang dinikmati daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia setentunya membawa kepada kehidupan yang lebih baik. Sikap ramah mesra menyerikan kehidupan berkeluarga, berjiran, bernegara di kampung ini begitu terserlah.

Kampung Beribi

Kampung Beribi yang terletak di Mukim Gadong, Daerah Brunei Muara mempunyai keluasan 636.97 hektar.

Keramaian penduduk di Kampung Beribi ialah 8,407 orang yang mana kebanyakan daripada mereka bekerja dengan agensi-agensi kerajaan, swasta dan ada juga yang bekerja sendiri.

Sejak tahun 2007, dengan berkembangnya ruang sempadan Bandar Seri Begawan, Kampung Beribi telah diletakkan di bawah kawalan Bandaran. Seperti kampung-kampung lain, Kampung Beribi juga ditadbir oleh ketua kampung (ketika rencana ini ditulis, Jawatan Ketua Kampung Beribi masih kosong).

Asal Usul Kampung

Menurut Dayang Hajah Sitipah binti Haji Durahim, 66 tahun, penduduk asal Kampung Beribi, nama Kampung Beribi berasal dari nama tumbuhan 'beribi-beribi' yang sangat banyak tumbuh di sungai-sungai di kampung tersebut sehingga dapat dijadikan jambatan. Apa yang unikunya pokok tersebut hanya tumbuh di sungai Kampung Beribi sahaja iaitu di Sungai Beribi dan Sungai Sunda. Bentuk tumbuhan 'beribi-beribi' adalah seperti pokok Daun Pandan Wangi, berduri dan mempunyai buah dengan akar yang sangat keras. Oleh kerana terlalu banyak tumbuh, pokok 'beribi-beribi' itu dapat dilalui seperti jambatan ketika menyeberangi sungai. Dari nama pokok tersebutlah, nama Kampung Beribi diperolehi.

Pengisah juga menceritakan dalam tahun 80-an, beliau pernah bekerja memotong tumbuhan 'beribi-beribi' dengan diupah oleh agensi kerajaan. Oleh kerana tumbuhan 'beribi-beribi' terlalu banyak memenuhi sungai maka kerja-kerja menyangi (membersihkan) sungai tersebut dibuat dengan dibayar upah bagi kerja-kerja pemotongan tumbuhan tersebut. Walau bagaimanapun, pada masa kini tumbuhan tersebut sudah tidak lagi tumbuh di mana-mana sungai di kampung tersebut.



Dayang Hajah Sitipah binti Haji Durahim, pengisah tentang Kampung Beribi.

“Asal nama Kampung Beribi adalah dari nama tumbuhan ‘beribi-beribi’ yang banyak tumbuh di Sungai Beribi, Sungai Sunda. Ia tumbuh terlampau banyak sampai dapat dibuatkan jambatan untuk menyeberang sungai.”



Pada waktu dulu, di Sungai Sunda inilah terdapat tumbuhan 'beribi-beribi' yang tumbuh dengan banyak sehingga boleh dijadikan jambatan.

Cerita Menarik Kampung

Salah sebuah kawasan yang terdapat di Kampung Beribi ialah Kawasan Pantai Jiam yang dipercayai tempat berkumpul orang halus. Kawasan tersebut pernah didirikan sebuah sekolah yang dinamakan Sekolah Pantai Jiam Beribi sebelum sekolah tersebut tidak lagi digunakan pada tahun 1985. Apa yang menarik, tanahnya seperti pasir pantai berwarna putih, tidak ada pohon kayu dan rumput yang tumbuh di kawasan tersebut. Menurut orang-orang tua dulu yang berilmu, kawasan tersebut merupakan tempat tinggal orang halus dengan keluarga (berkampung) di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, kawasan tersebut sudah didirikan bangunan tempat tinggal.




Kawasan Pantai Jiam Beribi yang dipercayai tempat makhluk halus tinggal pada satu ketika dulu.



Sekolah Melayu Pantai Jiam Beribi pada tahun 1975.

Ketua Kampung

Kampung Beribi ditadbir oleh beberapa orang ketua yang dilantik. Antaranya ialah Awang Haji Nasar bin Puasa, Datu Ratna Awang Haji Syukur bin Haji Pakar, Awang Haji Lamit bin Haji Samsu dan yang terakhir ialah Awang Haji Zaini bin Dato Paduka Haji Othman. Pada masa ini belum ada Ketua Kampung Beribi yang baru dilantik. Segala urusan pentadbiran hal ehwal Kampung Beribi ditadbir oleh Mejar (B) Awang Haji Bakar bin Sapar, Penghulu Mukim Gadong B yang juga Pemangku Ketua Kampung Beribi.



Penghulu Mukim Gadong B, Datu Ratna Haji Shukur bin Haji Pakar menyembahkan ucapan alu-aluannya atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Mukim Gadong pada tahun 1987.

Aktiviti Kampung

Apa yang menariknya, kaum wanita di Kampung Beribi pada tahun-tahun 70-an sudah belajar urusan rumah tangga iaitu belajar memasak, menjahit dan juga menggubah bunga selama lebih kurang sepuluh tahun. Mereka ini belajar urusan rumah tangga di Balai Raya Kampung Beribi (sekarang balai raya tersebut sudah tidak ada lagi). Tenaga pengajar ketika itu ialah Malai Hamidah binti Haji Malai Nikman yang pada masa itu tinggal di Batu Satu, Jalan Tutong.

Makan Sekampung

Makan-makan Tahun atau Makan Sekampung biasanya dibuat selepas menuai padi. Juga diadakan ialah aktiviti mengemping padi. Padi ditumbuk beramai-ramai dan inilah suasana yang paling menggembirakan bagi penduduk kampung yang berkumpul-kuumpul sambil mengemping. Kebiasaannya dalam acara makan sekampung ini, penduduk kampung bergotong-royong mengalupis dengan menggunakan hasil beras yang baru dituai.



Kaum wanita di Kampung Beribi pada tahun 70-an sudah belajar urusan rumah tangga.

Menurut Hajah Sitifah, daripada cerita yang didengarnya daripada bapanya, makan-makan sekampung sudah diadakan dalam tahun 30-an selepas mengetam padi. Para penduduk biasanya membawa masakan masing-masing dan kemudian dihidangkan bersama-sama dengan masakan yang dibawa oleh orang lain. Kalau dalam bulan puasa, penduduk kampung akan berkumpul beramai-ramai makan pada tiap-tiap malam Jumaat dengan makan bubur seperti makan bubur dadak, bubur ubi atau bubur kacang.

Makan Doa Arwah

Pada masa ini hanya dibuat di surau Beribi yang dipanggil Makan Doa Arwah. Disebabkan peredaran zaman, Makan Doa Arwah diadakan dengan menggunakan khidmat katering.

Aktiviti Berjual Beli

Barang-barang dijual dengan harga murah satu sen atau dua sen di Sungai Menglait (ketika ini kawasan tersebut letaknya di kawasan belakang Sekolah IBTE, Gadong). Di sanalah penduduk Beribi mengalu dengan berjual buah-buahan yang mana setakiding⁴ buah-buahan dijual dengan harga seringgit atau dua ringgit pada awal tahun 40-an ke-50-an. Bagi yang akan menjual hasil kampung, mereka akan berjalan seawal pukul 3.00 pagi menuju tempat mengalu dan biasanya mereka sudah ditunggu oleh para pengalu untuk berjual beli.

⁴Sejenis keranjang yang diperbuat daripada anyaman buluh dan sangat kukuh buatannya. Biasanya takiding ini digunakan untuk membawa hasil buah-buahan.

Majlis-majlis Keramaian

Menurut pengisah, Hajah Sitipah, persiapan kenduri majlis kahwin biasanya sudah dilakukan dalam seminggu bahkan ada yang sebulan sudah berkumpul bersama ahli keluarga untuk memucang-mucang seperti membuat teratak untuk kegunaan pada waktu kenduri kahwin. Oleh kerana waktu dulu-dulu dalam tahun-tahun 60-an belum ada lagi kemudahan seperti pada masa sekarang seperti kem atau catering maka segala pekerjaan untuk menjayakan sebarang keramaian seperti majlis perkahwinan dibuat sendiri. Teratak dibuat dengan menggunakan bahan-bahan asas yang senang diperolehi di hutan ketika itu seperti menggunakan daun rumbia untuk atap dan lantai daripada buluh. Biasanya kerja-kerja bergotong-royong sekampung juga dibuat seperti mengambil air di sungai (pada ketika itu belum lagi ada bekalan air paip) dan juga mengambil kayu. Dalam majlis-majlis perkahwinan, biasanya kerbau seekor akan tumbang dan semua penduduk akan sama-sama melaha-laha daging untuk dijadikan lauk kenduri. Di samping itu, sebahagian yang lain akan membuat kalupis dan kuih-kuih tradisional lain untuk dibuat hidangan. Keindahan dan kemesraan aktiviti ini mengeratkan lagi hubungan yang terjalin sesama penduduk-penduduk kampung ketika itu.

Produk Kampung

Pada tahun-tahun dulu seawal 40-an hasil Kampung Beribi ialah padi. Kebanyakan penduduk kampung ketika itu hanya berpadi iaitu padi tugal (padi bukit) dan padi paya. Tetapi sekarang tidak ada lagi penduduk kampung yang berpadi disebabkan beberapa faktor seperti ketiadaan kawasan untuk berpadi. Pembangunan pesat telah mengambil alih kawasan tempat berpadi. Ini ditambah lagi ketiadaan tenaga untuk menanam padi kerana pada masa ini kebanyakan penduduk di kampung ini banyak yang bekerja dengan agensi kerajaan dan swasta. Hanya beberapa orang sahaja yang pernah bertanam padi, tetapi sudah lanjut usia dan tidak lagi berupaya untuk melakukan kerja-kerja bercucuk tanam.

Prasarana

Seperi kampung-kampung lain, Kampung Beribi juga tidak ketinggalan menerima pembangunan untuk kemudahan penduduknya seperti bangunan sekolah-sekolah rendah, menengah dan juga Institusi-institusi Tinggi. Sekolah Rendah Telanai, Sekolah Ugama Beribi, surau, masjid, *flyover* telanai menuju rimba, bekalan elektrik, air, telefon, Masjid Beribi (boleh memuatkan 500 jemaah pada satu masa), balai bomba, Institut Kemuda, Kawasan Perindustrian Beribi, hotel dan *apartment* adalah sebahagian daripada pembangunan yang telah dilaksanakan.



Masjid Kampung Beribi yang terletak di Jalan Bunga Jasmine.



Perpustakaan yang terdapat di dalam Masjid Kampung Beribi.



Sekolah Rendah Telanai Beribi.



Sekolah Melayu Beribi pada tahun 60-an.



Balai Ibadat Kampung Beribi.



Kawasan Perindustrian Beribi.

Aktiviti Sukan

Antara aktiviti sukan yang sering dibuat ialah perlawanan bola sepak, kriket dan gasing. Walau bagaimanapun, aktiviti ini dibuat suka-suka sahaja sebagai mengisi waktu lapang belia-belia lelaki kampung.

Jalan Raya

Dulu-dulu masih jalan pasir kemudian berbatu kerikil sehinggalah dinaik taraf jalan berturap tar.



Dengan siapnya jambatan yang dibina telah mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut.

Penutup

Pembangunan yang semakin pesat di negara ini sedikit sebanyak telah mengubah landskap kampung dan tradisi yang diamalkan selama ini. Walau bagaimanapun, apa yang penting keharmonian kampung akan sentiasa utuh dan terpelihara dengan kesepakatan antara penduduk-penduduk kampung.

Kampung Mata-Mata

Kedudukan kampung ini berjiran dengan Kampung Katok di sebelah Utara dan Kampung Beribi di Timur-Selatan. Keluasan Kampung ialah 481.21 hektar dengan 1,392 buah rumah. Keramaian penduduk pula ialah 6,699⁵ orang yang mana penduduk lelaki seramai 3387 dan perempuan 3312 orang. Majoriti bangsa yang tinggal di kampung tersebut adalah bangsa Kedayan.

Asal Usul Kampung

Mengikut pengisah, Awang Haji Metali bin Haji Khamis, 69 tahun yang juga Ketua Kampung Mata-Mata, berkata pada mulanya kampung ini tidak ada nama. Tetapi setelah beberapa orang tua-tua kampung melihat sebiji mata sebesar cuik⁶ yang mendakap dalam ketinggian 7-8 kaki di pohon kayu menyebabkan kampung tersebut diberi nama kampung Mata (Mata-Mata). Sejarah ini bermula dalam awal tahun 1800 kampung ini mula didiami. Mengikut datuk nenek pengisah, mereka ini sudah lahir pada awal tahun 1800 yang mana kisah mengenai mata itu memang sudah ada. Mata tersebut bukan daripada jenis jin. Hanya orang-orang tertentu sahaja yang diperlihatkan untuk melihat mata tersebut. Kisah mata tersebut dipercayai kerana bukan seorang dua sahaja bahkan ramai yang melihat. Mata tersebut dapat dilihat dalam jangka masa dua ke tiga tahun hinggalah selepas itu tidak lagi kelihatan dan hilang begitu sahaja.



“Asal nama Kampung Mata-Mata ini bermula apabila beberapa orang tua-tua kampung melihat mata sebesar cuik yang mendakap dalam ketinggian 7-8 kaki di pohon kayu.”

Ketua Kampung Mata-Mata, Awang Haji Metali bin Haji Khamis semasa bercerita mengenai asal usul Kampung Mata-mata.

⁵Sumber: Laporan Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2011, JPKE, Negara Brunei Darussalam.

⁶Piring kecil.

Awal 1920-an kawasan tersebut masih hutan dan belum dimiliki oleh sesiapa. Bahkan belum ada kebenaran untuk dideposit (TOL) yang mana sesiapa sahaja boleh menggunakan tanah tersebut sehinggalah tahun 1952.

Dipercayai di kawasan ini beberapa orang kampung telah melihat sebiji mata yang mendakap di pohon kayu.



Di kawasan inilah dipercayai tempat beberapa orang penduduk kampung melihat mata sebesar cuik.

Pekerjaan

Menurut pengisah, pekerjaan orang-orang tua dahulu ialah berpadi jika musimnya dan berkebun. Mereka menanam padi tugal (padi bukit) secara berpindah-pindah dari satu tempat ke satu tempat. Kawasan hutan tersebut dilihat terlebih dahulu sebelum dibahagi-bahagikan. Tanah dibahagi-bahagikan seladang (seluas-luasnya) sebanyak dua ke tiga ekar bagi satu keluarga setelah melihat terlebih dahulu keadaan tanah yang akan diterokai untuk tempat berpadi dan berkebun. Mereka berpindah-pindah tempat kerana mahu tempat yang senang dan juga mahukan tanah yang (baik) subur untuk berpadi dan berkebun. Kadang-kadang mereka bertanam semula di tempat yang ditinggalkan itu dalam dua hingga tiga tahun jika tanah tersebut kembali subur. Hasil padi yang dituai tidak dijual dan hanya disimpan untuk kegunaan sendiri. Hasil padi disimpan di satu tempat yang dinamakan 'durung'.

Bagi kaum perempuan di kampung tersebut pekerjaan mereka hanya bercucuk tanam sahaja. Seiring dengan peredaran masa, pada masa kini kebanyakan penduduknya bekerja dengan agensi kerajaan dan swasta.

Dulu-dulu penduduk kampung bertanam getah juga sebab mengikut syarat perjanjian dahulu apabila mendeposit tanah⁷ mesti menanam getah dan kawasan mesti bersih. Jika tidak, tanah tersebut akan diambil semula oleh pihak kerajaan. Pada masa dulu, penduduk kampung yang mendeposit tanah ditawarkan menanam pokok getah kerana pada masa itu nilai getah sangat tinggi. Tetapi apabila hasil getah mendadak banyak maka harganya semakin rendah. Pada masa sekarang syarat-syarat penanaman getah itu bertukar menjadi syarat perumahan.

⁷Mendeposit tanah – memohon tanah TOL untuk berkebun (Lesen Tumpang Sementara).

Penanaman pokok getah dulu ditanam secara dicantum (belakum) dan bukan daripada biji.

Hasil getah tersebut kemudian dijual kepada pembeli berbangsa Cina yang dikenali sebagai 'Si Ajung' dengan harga seringggit sekati dalam tahun-tahun 50-an. Dulu kawasan tempat bertanam getah dinamakan Gadong Estet kerana pokok getah yang banyak ditanam.

Ketua Kampung

Mengikut Awang Haji Metali lagi, ketua kampung dulu-dulu adalah dari lantikan anak buah kampung sahaja dan bukannya daripada lantikan kerajaan. Anak buah kampung berpakat-pakat melantik seseorang untuk dijadikan ketua kampung tanpa dibayar gaji dan elaun. Dulu-dulu tidak dinamakan ketua kampung tetapi 'ikutan kampung'.

Ketua Kampung Mata-Mata yang mula-mula ialah Liau Kahar, dilantik sebelum perang Jepun (1940-an) dan meninggal selepas perang Jepun. Kemudian dilantik Awang Haji Mohammad bin Mail (di hujung lantikan beliau sebagai ketua kampung barulah dibayar elaun \$20 sebulan dalam tahun 50-an). Kemudian Awang Haji Badarudin bin Haji Bakar dilantik menjadi ketua kampung secara rasmi dengan dibayar gaji \$300 lebih sebulan. Setelah dipersarakan setelah berumur 65 tahun, jawatan ketua kampung kemudian diganti oleh Awang Haji Nayan bin Haji Mohamad (baru dibayar gaji dan elaun). Dan kemudian Awang Haji Metali bin Haji Khamis yang dilantik menjadi ketua kampung pada tahun 2008 hinggalah sekarang.



Kelihatan beberapa buah 'Durung' yang digunakan sebagai tempat menyimpan padi.

Prasarana

Dulu-dulu di kawasan Gadong tidak ada masjid atau surau. Orang-orang dulu bersembahyang di masjid bandar jika hendak sembahyang Jumaat. Orang-orang kampung bersembahyang di balai yang dibuat daripada pokok kayu di atas tapak tanah yang dipinjam sementara (di tengah-tengah kawasan kampung). Oleh sebab sudah usang maka balai raya tersebut diganti pada masa pentadbiran Awang Haji Badarudin sehingga terbinanya surau pada kedudukannya masa ini.

Balai Ibadat Kampung Mata-Mata, Sekolah Antarabangsa Seri Mulia Sarjana, Sekolah Rendah Mata-Mata, Sekolah Agama Mata-Mata, bank-bank, kompleks membeli-belah dan lain-lain lagi merupakan sebahagian pembangunan untuk kemudahan para penduduk di kampung ini. Bekalan elektrik, air, telefon juga telah lama dibekalkan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



Bangunan Lama Balai Ibadat Kampung Mata-Mata, Gadong.



Balai Ibadat Kampung Mata-Mata, Gadong dibesarkan dan diperluaskan mengikut keperluan jemaah pada masa sekarang.



Antara kompleks membeli-belah yang terdapat di Kampung Mata-Mata, Gadong.



Kompleks Annajat yang baru beroperasi pada tahun 2018.

Sekolah

Bagi kemajuan dalam bidang pendidikan, di kampung ini juga terdapat beberapa buah sekolah iaitu Sekolah Rendah Mata-Mata. Sekolah tersebut mula digunakan pada Disember 1979. Mengikut catatan pada tahun 2018 seramai 288 orang murid dengan 29 orang guru tetap. Pada sebelah petang sekolah tersebut dipakai bagi pembelajaran murid-murid bagi sesi sekolah agama. Manakala sekolah swasta ialah Sekolah Antarabangsa Seri Mulia Sarjana.



Sekolah Rendah Mata-Mata pada sesi pagi dan juga digunakan sebagai Sekolah Ugama Kampung Mata-mata pada sebelah petang.

Jalan Raya

Dulu-dulu jalan di kampung ini masih jalan pasir kemudian berbatu kerikil sehinggalah dinaik taraf jalan berturap tar.

Produk Kampung

Menurut Ketua Kampung Mata-Mata lagi, dalam sambutan Hari Raya terdapat aktiviti bejual-jual kuih tradisional. Begitu juga dengan sambutan Awal Tahun Hijrah ada diadakan acara walkaton tahun Hijrah. Biasanya selepas selesai acara walkaton akan diadakan aktiviti berjual-jual tetapi hanya kuih-muih sahaja oleh Persatuan Muslimah dengan bungkusan yang disertakan logo MPK Kampung Mata-Mata.

Makanan tradisional yang dijual seperti kalupis, penyaram, wajid, ulat-ulat (sejenis bubur yang pekat seperti cendul tetapi berwarna putih), surabai dan celapam (dimasukkan dalam sumboi-sumboi) memang mendapat sambutan ramai.

Persatuan Kampung

Majlis Perundingan Kampung (MPK), Badan Takmir Masjid, Persatuan Muslimah, Badan Kebajikan, Pengawas Kejiranan Sekampung.

Aktiviti

Menurut pengisah, banyak aktiviti yang diadakan di kampung tersebut, antaranya Doa arwah sekampung, Derma Anak Yatim, Majlis Korban, membersihkan tanah perkuburan, Sambutan Maulud Nabi, jika ada anak buah kampung menerima musibah, maka derma akan dikeluarkan melalui Tabung Amal Jariah iaitu kutipan daripada anak buah kampung sendiri dengan kebenaran Hal Ehwal Dalam Negeri. Derma anak yatim, penerima kebajikan bulanan tetapi yang benar-benar terpilih sahaja yang diberikan pada bulan puasa. Bantuan anak sekolah bagi yang kurang mampu akan diberi pada bulan Disember sebelum memulakan sesi penggal baharu.

Tabung badan bergerak kemanusiaan. Setiap bulan penduduk kampung akan menderma tidak lebih \$10 bagi setiap keluarga. Dalam sebulan kutipan boleh mencecah hingga \$500. Jika ada yang mengetahui melalui *WhatsApp* atau *Facebook* mengenai musibah atau perlukan bantuan bukan sahaja dalam lingkungan kampung tersebut malahan juga di Daerah Brunei Muara, perkara tersebut akan diselidiki dan lawatan akan dibuat untuk mengetahui keadaannya. Jika benar-benar memerlukan barulah diberi bantuan.

Kaum wanita di kampung tersebut juga tidak kurang aktifnya dalam menjalankan aktiviti. Persatuan Wanita Muslimah yang ada pada masa sekarang seramai 50 orang. Mereka ini aktif dalam menjual produk-produk hasil kampung dan juga tidak ketinggalan menyertai dalam sebarang aktiviti yang diungkuhkan di kampung tersebut.

**MAJLIS BULANAN
Maulid Lantunan Ahlul Muhibbiin
Penyampaian Takzirah**

28 Jamadilakhir 1439H / 16 Mac 2018M



Antara aktiviti yang dikendalikan oleh MPK Kampung Mata-Mata, Gadong.



Perlawanan bola sepak yang diadakan oleh belia Kampung Mata-Mata pada tahun 80-an.

Dalam mana-mana aktiviti, MPK selalu bergabung dengan Persatuan Muslimah dan juga AJK Badan Takmir Masjid untuk membuat kerja-kerja kebajikan. Misalnya dalam acara Majlis Korban, persatuan-persatuan seperti MPK, Badan Takmir Masjid dan Muslimah Masjid akan bergabung untuk menjayakan majlis yang dibuat.

Majlis Makan Sekampung

Pada masa sekarang, kutipan sebanyak \$30 bagi setiap keluarga akan dibuat jika mengadakan majlis makan sekampung bagi bayaran menggunakan khidmat katering.

Tetapi apa yang menarik, penduduk-penduduk di kampung ini masih mempertahankan kebiasaan dulu-dulu. Jika bulan puasa maka pada setiap hari khamis akan diadakan makan sekampung dengan masing-masing membawa makanan dari rumah. Kebiasaan seperti ini masih dibuat untuk meneruskan cara orang-orang tua dahulu di kampung tersebut di samping mengeratkan tali silaturahmi sesama penduduk kampung. Biasanya acara bertahlil akan diadakan sebelum bersungkai bersama-sama.

Penutup

Keharmonian sesebuah kampung mencerminkan kesepakatan antara pemimpin dan anak-anak buah kampung. Seperti di kampung-kampung lain, penduduknya akan terus mengekalkan kebiasaan sehari-hari walaupun arus kemodenan sentiasa menjadi cabaran tetapi asal usul kampung tetap terjaga dan dikekalkan.

Kampung Menglait dan Kawasan di sekitarnya

Kampung Menglait mempunyai keluasan kira-kira 83.15 hektar. Terletak di dalam Mukim Gadong B, Daerah Brunei Muara. Dengan keramaian penduduk lebih 7,000 orang, kampung ini pesat membangun dengan pelbagai prasarana untuk kemudahan penduduknya.

Kampung Menglait dan kawasan sekitarnya termasuk Kampung Pengkalan Gadong, Jalan Batu Besurat, Jalan Haji Omar, Tungku Link dan Gadong Estet.

Ketua Kampung

Kampung ini ditadbir di bawah pentadbiran Ketua Kampungnya, Haji Awang Mohdar bin Haji Awang Ahmad. Beliau mula dilantik menjadi Ketua Kampung Menglait pada 12 Januari 2002.



Ketua Kampung, Haji Awang Mohdar bin Haji Awang Ahmad.

“Sebenarnya Kampung Menglait ini dulu dikenali sebagai Gadong Estet yang dipenuhi oleh kebun getah sahaja. Dulu-dulu juga Kampung Menglait ini dikenali sebagai Sungai Asgar yang dipercayai tempat penarikan askar-askar dan tempat bersembunyi semasa zaman perang Jepun dahulu. Kampung Menglait dan sekitarnya juga dikenali sebagai Sungai Lubuk.”

Asal Usul Kampung

Menurut Ketua Kampung Menglait, beliau berpindah ke kawasan ini pada tahun 1989 dan belum dapat diceritakan sepenuhnya mengenai asal usul Kampung Menglait ini kerana semasa beliau menjadi Ketua Kampung Menglait yang pertama, nama kampung tersebut sudah ada dikenali sebagai Kampung Menglait. Dalam tahun 80-an belum ada banyak kediaman didirikan. Sebelumnya tidak ada ketua kampung dalam tahun 2002 dan segala masalah terus sahaja dihadapkan kepada Penghulu Mukim Gadong ketika itu, Penghulu Haji Shukur bin Haji Pakar. Pada tahun 2002 barulah jawatan ketua kampung diadakan. Menurut beliau lagi cerita mengenai Kampung Menglait diperolehi daripada Allahyarham Haji Bakar bin Panjang. Sebenarnya Kampung Menglait ini dulu dikenali sebagai Gadong Estet yang dipenuhi oleh kebun getah sahaja. Dulu-dulu Kampung Menglait ini juga dikenali sebagai Sungai Asgar yang dipercayai tempat penaikan askar-askar dan tempat bersembunyi semasa zaman perang Jepun dahulu. Kampung Menglait dan sekitarnya juga dikenali sebagai Sungai Lubuk.

Kampung Pangkalan Gadong juga termasuk Gadong Estet yang meliputi kawasan YMRM (masa kini) yang dipenuhi dengan kebun getah. Juga termasuk Jalan Batu Bersurat, Jalan Haji Omar, Tungku link dan Gadong Estet.

Apa yang menariknya ialah bantun (rakit) untuk pekerja-pekerja yang berulang-alik sebelum ada jambatan dibuatkan satu bantun untuk menyeberangkan pekerja-pekerja estet di sungai yang dikenali sebagai Sungai Kedayan. Menurut Haji Awang Mohdar lagi, Gadong Estet ini dijaga oleh bangsa orang putih, Tuan Kuel dan kemudian diganti oleh Tuan Dubi setelah Tuan Kuel balik ke negaranya. Penarik bantun (*driver*) tersebut ialah Liau Damit dan kemudian diganti oleh Abd. Kadir yang mana gaji mereka dibayar oleh kompeni estet tersebut.

Manakala Jalan Batu Bersurat dikhabarkan secara lisan dari mulut ke mulut ialah satu tanda perkuburan yang bermaksud 'bersurat' iaitu satu kubur. Ada yang menyatakan bahawa kubur tersebut adalah dari keturunan Sharif-sharif. Ianya terletak di atas bukit berdekatan dengan kompleks bangunan-bangunan kedai di Jalan Batu Bersurat yang ada pada masa ini dan apa yang menarik mengikut ceritanya lagi, kubur tersebut boleh berpindah-pindah tempat.

Menurut Ketua Kampung Menglait, penduduk asal Kampung Menglait dikatakan dari Kampung Pekan Lama dan kebanyakannya terdiri daripada penduduk Kampung Sungai Kedayan dan juga dari Kampung Ujong Tanjung.

Pekerjaan

Berdasarkan dari hasil padi yang disimpan ke dalam durung adalah dipercayai pekerjaan orang-orang dulu termasuklah menanam padi. Ketua Kampung juga percaya kawasan ini merupakan tempat memotong getah dan juga pelabuhan kerana adanya bantun yang dibuat. Tempatnya dipercayai di Jambatan Gadong berdekatan dengan Rumah Awang Semaun (bekas kediaman Menteri Pelajaran).

Walau bagaimanapun, pada masa ini kebanyakan penduduk di kampung ini bekerja dengan kerajaan dan juga swasta.

Jalan Raya

Dulu-dulu jalan di kawasan ini hanya batu-batu kecil saja dan belum lagi diturap tar. Atas keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, jalan-jalan raya di Kampung Menglait dan kawasan sekitarnya telah dinaik taraf dan dibesarkan bagi kemudahan orang ramai.



Jambatan penghubung yang terdapat di Kampung Menglait.



Pusing keliling di Kampung Menglait.

Prasarana

Kampung ini juga tidak ketinggalan menerima kemudahan yang disediakan oleh kerajaan seperti menerima bekalan elektrik, air dan juga telefon.

Juga terdapat sebuah sekolah menengah iaitu Sekolah Menengah Menglait, Pejabat Pos, Kompleks Sukan Menglait, stesen minyak, klinik-klinik swasta dan juga bank-bank, restoran, pasar raya, kedai runcit tumbuh bagaikan cendawan dan menjadikan kawasan Kampung Menglait dan sekitarnya sentiasa sibuk.

Kompleks Sukan Menglait dengan keluasan kira-kira 7 hektar banyak menyimpan sejarah kegemilangan acara-acara sukan yang berprestij yang diadakan di kompleks tersebut seperti Sukan Asia Tenggara (*SEA Games*) pada tahun 1999 dan Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN.

Jalan dan jambatan penghubung jalan dari kawasan Lapangan Terbang Lama Berakas menghala ke Kampung Menglait menelan belanja sebanyak BND8,473,341. Ianya digunakan oleh orang ramai bagi kelancaran perjalanan trafik di persimpangan Jalan Kumbang Pasang dan Lebuhraya Sultan Haji Hassanah Bolkiah yang sering berlaku kesesakan. Jambatan tersebut juga sebagai jalan laluan alternatif bagi memudahkan perjalanan di antara kawasan Gadong dengan Kompleks Jabatan-Jabatan Kerajaan.



Prasarana yang terdapat di Kampung Menglait antaranya Stesen Minyak Shell Menglait dan Pejabat pos.



Sekolah Menengah Menglait Gadong.



Antara prasarana yang terdapat di Kampung Menglait ialah Kompleks Sukan Menglait.



Antara kedai yang terdapat di kawasan Kampung Menglait.

Aktiviti Kampung

Seperti kampung-kampung lain, Kampung Menglait juga aktif mengadakan pelbagai aktiviti. Majlis Perundingan Kampung (MPK) banyak memainkan peranan untuk menghidupkan kegiatan-kegiatan kampung dengan ahli MPK seramai 30 orang. Menurut ketua kampung, tiap-tiap tahun MPK mengadakan Majlis Sumbangan Derma Untuk Anak-anak Yatim dari Daerah Brunei Muara sahaja dengan kerjasama Syarikat Malar Setia. Aktiviti lain termasuk juga Majlis Korban, dan juga majlis-majlis dalam bulan puasa. Biarpun kampung ini sudah termasuk dalam kawasan bandar, tetapi Kejiranan Kampung tetap ditubuhkan untuk mengawal keselamatan kampung terutama penduduk-penduduk di kampung ini.

Penutup

Walaupun asal usul Kampung Menglait dan sekitarnya belum lagi terungkap, tetapi pembangunan infrastruktur yang dijalankan di kampung ini dan kawasan sekitarnya telah membuatkan Kampung Menglait dan sekitarnya semakin maju apatah lagi gandingan kerjasama yang diberikan oleh anak-anak buah kampung setentunya merapatkan lagi hubungan ukhuwah antara anak-anak buah kampung.

Kampung Perpindahan Mata-Mata

Kampung Perpindahan Mata-Mata terletak di bahagian tengah Daerah Brunei dan Muara, iaitu di bahagian Barat pinggir Bandar Seri Begawan. Kampung tersebut berjiran dengan Kampung Mata-Mata di bahagian Timur dan kawasan perumahan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Mata-Mata di bahagian Barat.

Perumahan di Kampung Perpindahan Mata-Mata adalah sebanyak 210 buah dan ini tidak termasuk STKRJ Mata-Mata.

Keramaian penduduk mengikut Banci Penduduk pada tahun 2011 adalah seramai 2,241 orang. Kebanyakan penduduknya bekerja dengan kerajaan dan agensi swasta.

Asal Usul Kampung

Pada awalnya dikenali sebagai Merlimau. Kampung Perpindahan Mata-Mata ditubuhkan pada tahun 1983 sebagai salah satu kawasan penempatan di bawah program perpindahan pada Abad Ke-20 iaitu program kerajaan bagi penduduk Kampong Ayer untuk berpindah dan menetap di darat. Kampung ini juga bagi penempatan semula penduduk di beberapa buah kampung yang kehilangan tempat tinggal akibat kejadian kebakaran besar. Penduduk-penduduk yang mula berpindah ke kampung berkenaan pada awal tahun 1983 adalah secara berperingkat-peringkat.

Penduduk yang mula-mula berpindah ke kampung ini adalah dari Kampung Sumbiling Lama, selepas itu diikuti dengan Kampung Sumbiling Baru (bukan berpindah tetapi ditempatkan semula) hanya ketua keluarga yang diberi percuma dan anak-anaknya membayar secara bulanan, Kampung Sungai Kedayan (kebakaran) dan Kampung Sultan Lama (kebakaran besar) iaitu kawasan-kawasan kejiranan di Kampong Ayer, dan juga Kampung Pulau Baru-Baru dan Kampung Pulau Berbunut di muara Sungai Brunei serta Kampung Bunut (kebakaran) di Mukim Kilanas.

Kampung Perpindahan Mata-Mata merangkumi sebuah kawasan perumahan perpindahan dan sebuah lagi kawasan perumahan STKRJ bagi kampung tersebut.

Lebih 220 buah rumah di Kampung Perpindahan Mata-Mata dalam jagaan ketua kampung, manakala perumahan STKRJ hanya dalam pengawasannya kerana belum ada ketua kampung yang dilantik.

Ketua Kampung

Ketua Kampung Perpindahan Mata-Mata pada masa ini ialah Pengiran Haji Mohd. Salleh bin Pengiran Haji Abd. Rahman. Beliau telah dilantik menjadi Ketua Kampung Perpindahan Mata-Mata pada 11 Julai 2009 hingga sekarang.

Sebelum ini ada tiga orang ketua kampung yang mentadbir Kampung Perpindahan Mata-Mata ini, iaitu dari Kampung Sumbiling Baru Ketua Kampungnya Allahyarham Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Ahmad, Kampung Berbunut/Baru-Baru Ketua Kampungnya Allahyarham Awang Haji Hamid bin Rais dan Kampung Sultan Lama Ketua Kampungnya Allahyarham Awang Haji Omar bin Duah. Selepas itu, lantikan secara undian dibuat dan dilantik Awang Haji Anuar bin Tahir sebagai Ketua Kampung. Setelah beliau bersara jawatan ketua kampung dipangku sementara oleh Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Yakub dan Allahyarham Pengiran Haji Abd. Latif bin Pengiran Haji Tajuddin dan Ketua Kampung Tungku, Awang Haji Ismail bin Rejab sehingga tahun 2009.



Ketua Kampung Perpindahan Mata-Mata pada masa ini ialah Pengiran Haji Mohd. Salleh bin Pengiran Haji Abd. Rahman.

“Dulu Kampung Perpindahan Mata-Mata ani dikenali sebagai Merlimau. Kampung ani menempatkan penduduk Kampong Ayer yang berpindah untuk menetap di darat.”

Reka Bentuk Rumah Perpindahan

Pada awalnya, rumah perpindahan ini mempunyai tiang empat batang, tetapi semasa lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dititahkan untuk ditambahkan lapan tiang, pintu depan dan belakang, tangga dibuat di depan dan di belakang untuk keselamatan (sebelumnya hanya satu sahaja di depan) dari kayu menjadi simen dan harga rumah pun dikurangkan.

Prasarana

Kampung ini juga tidak ketinggalan menerima kemudahan yang disediakan oleh kerajaan seperti menerima bekalan elektrik, air dan juga telefon.

Kemudahan yang terdapat di kampung berkenaan termasuklah Sekolah Rendah Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar. Sekolah ini dibina pada Mac 1990 dengan keluasan tanah 15.037 ekar, dengan menelan belanja sebanyak BND3.8 juta dan siap dibina sepenuhnya pada bulan Ogos 1992. Pada 1 September 1992 sekolah ini mula beroperasi dengan nama Sekolah Rendah Kampung Perpindahan Mata-Mata Gadong.

Pada 23 Julai 1996 bersempena dengan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-50 Tahun, Sekolah Rendah Kampung Perpindahan Mata-Mata telah ditukar nama kepada Sekolah Rendah Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar, sempena nama salah seorang Guru Berbakti, iaitu Yang Amat Mulia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Md. Daud. Bagi sesi pembelajaran petang pula, sekolah tersebut juga digunakan bagi persekolahan agama yang dikenali sebagai Sekolah Ugama Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar dari Darjah Satu hingga Darjah Enam.

Kemudahan lain termasuk Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata; padang permainan dan jalan-jalan raya yang sudah dinaiktarafkan dan Kedai Koperasi Kampung Perpindahan Mata-Mata (KOPERMATA) Berhad (ahli-ahlinya terdiri daripada anak-anak kampung sendiri).

Apa yang menarik mengenai masjid ini ialah ia terkenal dengan nama panggilan 'Masjid Pengembara'. Ini adalah kerana salah satu aktiviti masjid berkenaan yang aktif dan sering mendapat sambutan penduduk kampung ialah membuat lawatan-lawatan ke negara-negara jiran seperti Malaysia dan Pontianak. Setakat ini lebih dari sepuluh kali lawatan sudah dilaksanakan dan semuanya mendapat sambutan dengan keramaian yang ikut serta mencapai 80 orang.

Di kampung ini juga terdapat Bangunan Smarter Edge yang pada asalnya Klinik Kanak-kanak dan Ibu Mengandung. Klinik ini kemudian itu diambil oleh Smarter Edge sehinggalah sekarang.

Kedai Koperasi Kampung Perpindahan Mata-Mata (KOPERMATA) Berhad ditubuhkan pada tahun 2012. Pada awal penubuhannya, ahli jawatankuasa koperasi tersebut hanyalah sembilan orang dan pada masa ini AJK bertambah menjadi 11 orang. Keuntungan dari koperasi ini telah pun diperolehi hasil daripada modal yang dilaburkan. Kini keahlian koperasi meningkat kepada lebih 80 orang yang pada awalnya hanya seramai 79 orang.



Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata.



Smarter Edge yang terdapat di Kampung Perpindahan Mata-Mata.



Sekolah Rendah Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar.



Kedai Syarikat Koperasi di Kampung Perpindahan Mata-Mata.


Kegiatan Kampung – MPK

Kampung Perpindahan Mata-Mata juga menubuhkan Majlis Perundingan Kampung yang mana lantikan bagi AJK Tertinggi pada tahun 2006-2011. Manakala lantikan ahli bagi tahun 2016-2021 seramai 22 orang. Selain itu, penduduk kampung ini juga turut mengikuti beberapa aktiviti, seperti aktiviti mengutip derma untuk anak-anak yatim dan bantuan orang-orang yang tidak berkemampuan daripada ahli dan juga orang-orang persendirian. Apa yang membanggakan ialah hasil daripada kutipan tersebut, setiap penerima mendapat sumbangan mencecah sehingga \$300.00 seorang. Setiap tahun Ahli-ahli MPK juga ikut dalam Sambutan Maulud Nabi dan menjadi ahli tetap 'Takmir Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, lawatan-lawatan ke luar negeri seperti ke Malaysia, Indonesia, Singapura, China dan baru-baru ini ke Viet Nam.

Penutup

Walaupun Kampung Perpindahan Mata-Mata terdiri daripada penduduk-penduduk yang berpindah dari Kampong Ayer, tetapi sikap bekerjasama dan bergotong-royong antara penduduk kampung jelas membuatkan kemajuan kampung terserlah. Kemakmuran kampung dapat dinikmati dan persekitaran yang sihat menjadikan kampung ini sentiasa bergerak maju ke hadapan.

Suasana Majlis Qurban & Aqiqah




Antara Majlis Korban dan Aqiqah yang diadakan di Kampung Perpindahan Mata-Mata.

Majlis Bergotong Royong Kempen Kebersihan Masjid



Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah Majlis Bergotong-royong Kempen Membersihkan Masjid.

Perarakan Sambutan Maulidur Rasul



Penglibatan penduduk Kampung Perpindahan Mata-Mata dalam Perarakan Sambutan Maulidur Rasul.

Bibliografi

Awang Muhammad Hasanan bin Haji Sallehudin, Asal usul Masyarakat Puak Kedayan di Negara Brunei Darussalam: Satu Tinjauan Awal, Jurnal Darussalam Bil.8, 2008.

Laporan Awal Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2011 Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), NBD

P.M. Shariffuddin, The Kedayans, The Brunei Museum Journals, The Brunei Museum, Brunei, Vol 1, 1969.

Penghargaan dan Terima Kasih

kepada

pihak yang berkenaan atas sumbangan gambar-gambar yang digunakan dalam buku ini.